

**TINDAKAN MEREKA MENYEBABKAN MENTERI2 TA
BOLEH LAKSANAKAN TUGAS DENGAN BERKESAN**

PM tegur ahli2 kehakiman campuri politik

UM 7 SEP 1987

KUANTAN 6 Sept. — Perdana Menteri malam ini menegur golongan dalam bidang kehakiman supaya tidak mencampuri urusan politik sehingga boleh menjejaskan perjalanan pentadbiran kerajaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata golongan itu kini didapati dengan terang menyuarakan pendapat mereka berhubung isu-isu politik walaupun ia di luar bidang tugas mereka.

Katanya, "trend" itu telah bermula sehingga menghalang kelicinan pentadbiran kerajaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka itu menyebabkan menteri-menteri sendiri tidak lagi boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

"Ini kerana setiap keputusan menteri yang bertujuan membawa kesejahteraan kepada rakyat sering dipersoalkan," katanya pada majlis makan malam sempena lawatan beliau ke Pahang Darulmakmur di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat akan hilang keyakinan untuk dihadapkan kepada hakim yang telah menyatakan pendirian masing-masing dalam politik.

"Sama ada tindakan mereka menyokong atau menentang pentadbiran kerajaan, ia tidak menjadi soal tetapi ia mungkin menimbulkan kesangsian rakyat terhadap sistem kehakiman negara ini," kata beliau.

Perdana Menteri bimbang negara akan menjadi huru-hara jika "trend" itu berterusan dan meminta semua pihak supaya mengawasinya. Beliau berkata, setiap pihak seharusnya menjalankan tugas mengikut had yang ditetapkan kerana

perlembagaan negara telah menjelaskan dengan terperinci bidang tugas masing-masing.

Cadangan

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya berkata, cadangan oleh segelintir pihak supaya perlembagaan negara dikaji semula tidak boleh dipandang ringan kerana ia amat bahaya dan boleh mencetuskan ketegangan di kalangan rakyat.

Kita akui bahawa perlembagaan yang dibuat oleh manusia itu memang tidak cukup dan ada cacatnya, tegas beliau. Tapi sebarang pindaan yang hendak dilakukan mestilah mengikut saluran tertentu, yang dibolehkan mengikut perlembagaan itu sendiri, ujarnya. Perdana Menteri mendakwa jika perlembagaan yang ada sekarang dipinda

LIHAT MUKA 6

PM TEGUR GOLONGAN KEHAKIMAN CAMPURI POLITIK

sebagaimana yang dikehendaki oleh beberapa orang tertentu, sudah pasti akan menimbulkan berbagai macam tuntutan dari seluruh rakyat. Di negara ini sekarang jelasnya mempunyai lebih 16 juta penduduk di mana lebih 8 juta dari jumlah itu adalah terdiri dari kalangan orang dewasa,

yang berhak menyuarakan hasrat mereka. Jika keadaan ini berlaku, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, sudah pasti akan menimbulkan berbagai risiko, yang akibatnya akan mengancam ketenteraman dan keselamatan negara ini. Pindaan perlembagaan menurut beliau, bukan

perkara mudah dan boleh dipermain - mainkan dengan tujuan semata - mata untuk menjadikan isu politik. Datuk Sri Dr. Mahathir menganggap golongan yang menyuarakan pendapat untuk meminda perlembagaan negara itu sebagai golongan yang kecewa kerana hasrat untuk

memerintah negara ini tidak tercapai.

Perlembagaan negara yang ada sekarang tegas beliau, sudah cukup untuk menjamin ketenteraman, keamanan serta kemakmuran rakyat berbilang kaum dan tidak perlu dipinda atau diubah lagi.